

Headline	Aktiviti pertanian bantu jana ekonomi luar bandar		
MediaTitle	Mingguan Sarawak	Color	Black/white
Date	03 Feb 2013	Circulation	37,981
Section	Tempatan	Readership	113,943
Page No	2	ArticleSize	298 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 677
Journalist	MOHD SHAFIK AHMAD	PR Value	RM 2,032
Frequency	Daily		



Aktiviti pertanian bantu jana ekonomi luar bandar

MOHD SHAFIK AHMAD

SIMUNJAN, Sabtu — Masyarakat luar bandar akan terus dibantu dalam usaha menambahkan pendapatan isi rumah dan meningkatkan taraf hidup rakyat melalui sektor pertanian yang melibatkan industri herba sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Douglas Uggah Embas berkata, melalui Program Transformasi Luar Bandar, pelbagai program telah dilaksanakan dan sedang dipergiatkan untuk membantu golongan berpendapatan rendah khususnya masyarakat di luar bandar.

Jelasnya, melalui aktiviti pertanian yang dijalankan oleh pengusaha kecil di luar bandar adalah sesuatu yang penting dengan menyokong usaha kerajaan dalam membantu meningkatkan pendapatan rakyat.

"Di kawasan Simunjan sendiri sangat aktif dengan aktiviti pertanian, namun ia diusahakan secara kecil-kecilan oleh pengusaha tempatan," katanya semasa berucap di Majlis Perasmian Bengkel Interaktif Herba 2013 di Dewan Mesra Simunjan, di sini, hari ini.

Mengulas berkenaan program

tersebut, Douglas memberitahu tentang kepentingan herba untuk kesihatan dan ia juga dikatakan mampu membantu membangunkan ekonomi negara.

Justeru, beliau menambah, adalah menjadi hasrat Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Sehubungan itu, Douglas menjelaskan bahawa dagangan sektor herba di peringkat global dijangka meningkat dari RM777 bilion pada 2009 kepada lebih RM2 trillion menjelang 2020 nanti.

"Oleh itu, ekoran daripada peningkatan tiga kali ganda tersebut, ia dikatakan berpotensi untuk berkembang sebanyak 15 peratus setahun dengan nilai pasaran negara daripada RM7 bilion pada tahun 2010 kepada RM29 bilion pada tahun 2020.

"Produk herba tersebut digunakan untuk tujuan farmaseutikal dan dijadikan sebagai produk makanan kesihatan yang menjanjikan pendapatan lumayan," jelasnya. Tambah Douglas, sebagai salah satu sumber bioekonomi, industri herba menerusi projek per-

mulaan (EPP1), sektor pertanian di bawah Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi Negara (NKEA) disasarkan mampu menjana pendapatan dan membuka 1,800 peluang pekerjaan tambahan dan 300 pengilang menjelang 2020.

Sementara itu, kira-kira 200 orang peserta telah menyertai bengkel tersebut yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat setempat dan usahawan yang bakal menggiatkan industri herba di Sarawak. Program anjuran bersama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Pusat Biodiversiti Sarawak (SBC) berlangsung selama dua hari bermula 2 Februari hingga 3 Februari 2013.

Difahamkan, program itu bertujuan meningkatkan kesedaran dan kefahaman khalayak mengenai herba dan potensi ekonominya di samping menguar-uarkan herba sebagai tanaman komersil yang diusahakan oleh komuniti setempat bagi menambah nilai sektor pertanian sedia ada. Turut hadir di majlis tersebut, Ahli Parlimen P200 Batang Sadong merangkap Pengurus FRIM, Hajah Nancy Shukri, Ketua Pengarah FRIM, Dato Dr Abdul Latif Mohmod, dan Ketua Pegawai Eksekutif SBC, Dr Rita Manuyung.



CUBA ... Dato Sri Douglas mencuba salah satu herba semasa berkunjung ke pameran di salah sebuah gerai herba sambil diberi penjelasan oleh Dr Rita (kanan) di Simunjan, semalam. Turut kelihatan, Hajah Nancy Shukri dan Dato Dr Abdul Latif (dua dari kiri).